



PERAK
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 10/2020

MENCEGAH PERKARA MUNGKAR DENGAN KEPUTUSAN KERAJAAN MEMBERHENTIKAN OPERASI KILANG ARAK ADALAH KEUTAMAAN YANG PALING UTAMA SEWAKTU PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERKUATKUASA

1. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 90

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Bermaksud : “ Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. “

2. Pada waktu ini negara kita sedang berhadapan dengan wabak corona virus COVID-19 yang menunjukkan kes positif semakin meningkat setiap hari. Namun Alhamdulillah semangat *frontliner* merawat dan mengekang wabak ini daripada meragut nyawa rakyat Malaysia membuah hasil dengan bertambahnya bilangan pesakit yang sembuh daripada wabak ini.
3. Ketika berhadapan situasi dan suasana yang gawat ini yang tidak pernah difikirkan kita selama ini, umat Islam digesa untuk melakukan amalan-amalan fardu dan memaksimakan amalan sunat sebagai kaedah untuk sentiasa mendekatkan diri dan bermunajat kepada Allah dengan sepenuh pengharapan dan tawakal. Di samping itu, umat Islam ditegah bersungguh-sungguh dari melakukan perkara mungkar dan dosa.
4. Kami sangat menghargai usaha kerajaan memberhentikan operasi 2 kilang arak di negara ini. Perkara ini bertepatan dengan dasar-dasar yang telah dilaksanakan para pemimpin Islam sejak dahulu lagi. Melihat kepada kemudaratan yang jelas inilah Rasulullah melaknat semua pihak yang terlibat dengan arak. Bahkan para khalifah sesudah Baginda mengambil tindakan tegas dalam urusan ini. Khalifah Umar bin Abdul Aziz diriwayatkan pernah mengarahkan supaya *non muslim* tidak menzahirkan aktiviti arak mereka. Al-Imam al-Bayhaqi ketika menghuraikan tentang syarat-syarat ahli *dzimmah (non Muslim)* yang tinggal bersama Muslim, beliau menyebutkan :

كَتَبَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ: أَلَّا يُظْهِرُوا الْخَمْرَ

Bermaksud : “ Umar bin Abdul Aziz pernah menulis surat supaya majlis arak (bagi non Muslim) seharusnya tidak dizahirkan (tidak diheboh, didedah dan berlaku secara tertutup)”

(al-Bayhaqi, Ma'rifa al-Sunan wa al-Athar, 13/383)

5. Bahkan, Umar bin Abdul Aziz dilihat cuba menyekat kemasukan dan kebebasan aktiviti import/eksport penjualan arak. Perkara ini direkodkan oleh Ibn Zanjaweh di dalam kitab al-Amwal :

كَتَبَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ إِلَى عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ وَهُوَ عَامِلُهُ عَلَى الْكُوفَةِ:
أَنْ لَا تُحْمَلَ الْخَمْرُ مِنْ رُسْتَاقٍ إِلَى رُسْتَاقٍ.

Bermaksud : “ Umar bin Abdul Aziz menulis surat kepada Abdul Hamid ibn Abdul Rahman iaitu Gabenor beliau di Kufah: (kata Umar) Jangan dibawa arak dari satu bandar atau wilayah (rustaq) kepada bandar atau wilayah yang lain. ”

(Ibn Zanjaweh, al-Amwal, 1/282)

6. Al-Imam Ibn Abi Syaibah merekodkan gambaran yang hampir sama. Umar Abdul Aziz diriwayatkan sangat bertegas dalam menguruskan arak (punca kepada kerosakan manusia). Beliau melarang aktiviti import eksport arak, dari satu kampung ke satu kampung yang lain. Kata Ibn Abi Syaibah :

عَنْ مُثَنَّى بْنِ سَعِيدٍ، قَالَ: شَهِدْتُ عُمَرَ بْنَ عَبْدِ الْعَزِيزِ كَتَبَ إِلَى عَامِلِهِ بِوَأَسِطٍ:
أَنْ لَا تَحْمَلُوا الْخَمْرَ مِنْ قَرْيَةٍ إِلَى قَرْيَةٍ

Bermaksud : “ Muthanna ibn Sa'd berkata: Aku menyaksikan Umar bin Abdul Aziz menulis kepada Gabernonya bahawa : Jangan dibawa arak dari satu kampung ke satu kampung yang lain. ”

(Ibn Abi Syaibah, al-Musannaf, 5:100)

7. Justeru, saya menyeru semua pihak yang berkaitan supaya membuka ruang seluas-luasnya untuk amal ibadah dapat dimaksimakan seiring dengan menutup segala ruang-ruang kemaksiatan agar doa kita sepanjang ujian wabak COVID-19 ini dimakbulkanNya.



Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

13 Sya'ban 1441 H (Selasa)

7 April 2020 M